



## KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E 7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2544  
Faks : 603-8889 5601  
email : lokman.hakim@moh.gov.my

### KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

#### **SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA** Bagi Minggu 37/2011 (11 hingga 17 September 2011)

Pada minggu ke-37 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 11 hingga 17 September, sejumlah 325 kes Demam Denggi telah dilaporkan, meningkat sebanyak 14 kes atau 5% berbanding dengan 311 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat 8 buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Selangor yang meningkat sebanyak 19 kes (18%), WP Kuala Lumpur/Putrajaya 11 kes (26%), Kedah 4 kes (67%), Perlis 2 kes (100%), Melaka 2 kes (67%), Pahang 2 kes (17%), Sarawak 1 kes (5%) dan P.Pinang meningkat sebanyak 1 kes (4%)(Lampiran A).

Pada tahun 2011 iaitu dari Januari hingga 17 September, sebanyak 14,214 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 60% atau 21,319 kes berbanding dengan 35,533 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Bagi tempoh yang sama, sebanyak 22 kematian akibat demam denggi dilaporkan, menurun sebanyak 79% berbanding 107 kematian pada tahun 2010.

Sejumlah 51 lokaliti wabak Denggi dipantau di seluruh negara, meningkat 14 berbanding 37 lokaliti pada minggu sebelumnya. Terdapat dua lokaliti wabak tidak terkawal pada minggu lepas di WP Kuala Lumpur iaitu Rumah Panjang Jinjang Utara dan Taman Koop Polis Fasa

1 namun tiada lokaliti 'hot spots' dilaporkan di seluruh negara. Kerjasama daripada masyarakat setempat sangat diperlukan untuk memastikan kawasan setempat mereka bebas daripada pembiakan *Aedes* bagi menghalang kejadian *hotspots*.

Daripada pemantauan Kementerian Kesihatan, setiap tahun dalam lingkungan 20% daripada kes denggi yang dilaporkan adalah dari golongan pelajar. Pada tahun ini sehingga 10 September 2011, sejumlah 2,635 (19%) daripada 13,889 kes denggi yang dilaporkan di Malaysia adalah pelajar, yang terdiri dari 7% (973 kes) pelajar sekolah rendah dan 12% (1,662 kes) adalah pelajar sekolah menengah. Bagi 22 kes kematian denggi yang dilaporkan pada tahun ini, dua kematian melibatkan pelajar iaitu pelajar tahun satu dan tahun lima yang tinggal dikawasan berisiko hotspots denggi dan kawasan yang mempunyai pembiakan *Aedes*.

Menyedari hakikat ini, Kementerian Kesihatan menyokong usaha yang dibuat oleh syarikat swasta iaitu Sanofi Pasteur yang melancarkan Program Denggi Patrol buat pertama kalinya di Sekolah Kebangsaan Gombak Setia pada 20 September 2011. Program yang menasaskan pelajar-pelajar dari sekolah rendah, bertujuan mendidik kumpulan pelajar mengenai bahaya denggi dan cara-cara pencegahannya. Pelajar-pelajar ini akan juga diajar untuk menjaga kebersihan persekitaran dan menjalankan aktiviti mencari serta memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk *Aedes*. Mereka juga diharap akan dapat menyebarkan mesej yang sama kepada ahli keluarga serta masyarakat setempat. Program ini akan dikembangkan ke sekolah-sekolah lain pada masa akan datang.

Sejajar dengan misi Kementerian Kesihatan iaitu ingin memperkasakan masyarakat Malaysia, menjadi individu yang proaktif dalam mengambil tindakan untuk menjaga kesihatan mereka, inisiatif seperti ini, dari agensi swasta dan kerajaan , amat dialu-alukan oleh Kementerian Kesihatan dan berharap ianya memberi impak yang besar dan berpanjangan kepada kesihatan rakyat Malaysia.

**DR LOKMAN HAKIM SULAIMAN**

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

20 September 2011

## Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 37/2011  
(11 hingga 17 September 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 37/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 37/2010
		Minggu 37 (11 – 17 Sept 2011)	Minggu 36 (4 – 10 Sept 2011)		
1	Perlis	4	2	74	144
2	Kedah	10	6	343	585 (3)
3	P. Pinang	25	24	1,321 (2)	1,133 (4)
4	Perak	23	25	920 (2)	1,708 (5)
5	Selangor	122	103	5,408 (5)	13,508 (39)
6	WPKL & Putrajaya	53	42	1,351 (1)	3,373 (5)
7	N. Sembilan	12	17	551 (2)	1,368 (7)
8	Melaka	5	3	285	867 (10)
9	Johor	18	29	1,198 (5)	3,020 (9)
10	Pahang	14	12	681 (1)	1,080 (1)
11	Terengganu	6	11	503 (1)	807 (1)
12	Kelantan	9	13	527 (1)	2,700 (9)
13	Sarawak	20	19	727	3,501 (13)
14	Sabah	4	5	316 (2)	1,723 (1)
15	WP Labuan	0	0	9	16
	<b>MALAYSIA</b>	<b>325</b>	<b>311</b>	<b>14,214 (22)</b>	<b>35,533 (107)</b>

Nota: ( ) Kematian